

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 7 TAHUN 2022**

**TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**HADIR**

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i><br>(Yang Dipertua)   | - | Pengerusi   |
| 2.  | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i><br>Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya<br>Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Cik Ang Lee Yong  | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman  | - | Ahli Majlis |
| 5.  | Encik Mohd Safiee bin Harun   | - | Ahli Majlis |
| 6.  | Encik Wong Kim Loon   | - | Ahli Majlis |
| 7.  | Encik Nadasan a/l Subramani   | - | Ahli Majlis |
| 8.  | Encik Haridass a/l Ramasamy   | - | Ahli Majlis |
| 9.  | Encik Gan Yee Chin  | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Lim Tou Yih   | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Razali bin Ahmad  | - | Ahli Majlis |
| 12. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid   | - | Ahli Majlis |
| 13. | Puan Rahimah binti Harun  | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Yong Keh Chyn   | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Abu Bakar bin Mohamad   | - | Ahli Majlis |

- |     |   |   |                     |
|-----|---|---|---------------------|
| 16. | Encik Naharanuar bin Ayob   | - | Ahli Majlis         |
| 17. | Puan Rogayah binti Ibrahim  | - | Ahli Majlis         |
| 18. | Encik Norazmi bin Mohamed Tahir   | - | Ahli Majlis         |
| 19. | YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, <i>D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.-</i> |   | Ahli Majlis         |
| 20. | Encik Tan Wee King  | - | Ahli Majlis         |
| 21. | Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy  | - | Ahli Majlis         |
| 22. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan   | - | Ahli Majlis         |
| 23. | Encik Abd Razak bin Ramli   | - | Ahli Majlis         |
| 24. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i>                          | - | Penolong Setiausaha |

#### **TURUT HADIR**

- |    |   |   |   |
|----|---|---|---|
| 1. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>       | - | Pengarah Jabatan<br>Perbendaharaan  |
| 2. | Puan Lisawati binti Abd. Karim                    | - | Pengarah Jabatan<br>Penilaian dan Pengurusan<br>Harta                     |
| 3. | Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap, <i>P.J.K.</i> | - | Wakil Pengarah Jabatan<br>Perancangan<br>Pembangunan                      |
| 4. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap                  | - | Pengarah Jabatan<br>Landskap  |
| 5. | Puan Nordila binti Yasir                          | - | Pengarah Jabatan<br>Pelesenan   |
| 6. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin         | - | Pengarah Jabatan<br>Penguatkuasaan  |
| 7. | Puan Norain binti Mohamed                         | - | Pengarah Jabatan<br>Pengurusan Sisa Pepejal dan<br>Kesihatan Persekitaran |
| 8. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad                    | - | Pengarah Jabatan<br>Kawalan Bangunan                                      |

- |     |   |    |  |
|-----|---|----|--|
| 9.  | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, <i>P.P.T.</i> | -  | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat                          |
| 10. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam  | -  | Ketua Unit Audit Dalam                                     |
| 11. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K</i>               | .- | Ketua Unit Perundangan                                     |
| 12. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin                     | -  | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan                            |
| 13. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim                    | -  | Ketua Unit Pusat Setempat                                  |
| 14. | Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman               | -  | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra                |
| 15. | Encik Muhammad Faiz bin Jambri                      | -  | Wakil Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan                  |
| 16. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohamad Jasni             | -  | Wakil Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat |
| 17. | Puan Amiezatul Hanim binti Zakuan                   | -  | Wakil Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan                  |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                         |   |             |
|----|-------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Lim Lip Suan      | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |

**DIJEMPUT HADIR**

- |    |  |   |   |
|----|--|---|---|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San<br>Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting | - | Pemerhati                               |
| 2. | Encik Ramkumar   | - | GSR Environmental Consultancy Sdn. Bhd. |
| 3. | Ir. Mazura binti Mazlan  | - | GSR Environmental Consultancy Sdn. Bhd. |

4. Cik Wyreen Kok Shou Jie - GSR Environmental Consultancy Sdn. Bhd.

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

1. Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus - Penolong Pegawai Tadbir
2. Puan Rosmawati binti Othman - Pembantu Setiausaha Pejabat
3. Cik Nurul Asimah binti Suriyani - Pembantu Setiausaha Pejabat

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<b>BACAAN DOA</b>	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	<b>Makluman</b>
2.0	<b>TAKLIMAT PEMBANGUNAN PELAN INDUK SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM NEGERI SELANGOR OLEH SYARIKAT GSR ENVIRONMENTAL CONSULTANCY SDN. BHD.</b>	
	2.1 Taklimat telah disampaikan oleh Ir. Mazura binti Mazlan dari GSR Environmental Consultancy Sdn. Bhd. untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di <b>Lampiran A.</b>	<b>Makluman</b>
3.0	<b>UCAPAN Pengerusi</b>	
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran Y.A.D. Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini.	<b>Makluman</b>

4.0	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	4.1	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid dan disokong oleh Encik Tan Wee King tanpa sebarang pindaan.	<b>Makluman</b>
5.0	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	5.1	- TIADA -	<b>Makluman</b>
6.0	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	6.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JULAI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.2.9 (m.s.12)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin meminta pihak JKPM dan JL membuat paparan maklumat berkenaan larangan tanaman kontan di layar LED MPKL.</p> 	<b>Makluman</b>

	ii.	<p><b><u>Perkara 3.7.1 (m.s.5)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu perkara yang berlaku di kawasan Jenjarom berkenaan perkhidmatan KDEB kerana penduduk membuat aduan tiada kutipan sisa domestik dibuat selama seminggu lebih.</p> <p><i>Dalam mesyuarat yang lepas pihak KDEB diminta untuk menyediakan lori dalaman untuk menyelesaikan isu kontraktor bermasalah.</i></p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan pihak KDEB telah menamatkan kontraktor yang lepas dan mengambil tempoh di antara dua hingga tiga bulan untuk melantik kontraktor baru namun kontraktor yang mengambil alih bermasalah kerana isu harga.</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi minta KDEB menyediakan calon kontraktor dan sekiranya kontraktor sedia ada bermasalah dan ditamatkan boleh digantikan dengan kontraktor lain dengan kadar segera.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong minta pihak jabatan menjemput Tuan Haji Ramli bin Mohd Tahir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar yang akan datang.</i></p>	<b>Makluman</b>
	iii.	<p><b><u>Perkara 4.1.5 (m.s.9)</u></b></p> <p>Encik Yong Keh Chyn memaklumkan hasil lawatan tapak di Jalan Permata 6 Taman Yayasan mendapati kawasan tersebut adalah milik swasta dan bukan tapak Kebun Komuniti di mana kawasan tersebut tidak dijaga dengan baik.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi minta pihak JPP dan JPPH membuat penyelarasan maklumat berkaitan pewartaan tanah.</i></p>	<b>Makluman</b>

	iv.	<p><b><u>Perkara 3.5.1 (m.s.5)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu sama ada pihak MPKL boleh ambil alih gelanggang futsal di bawah seliaan PDT Kuala Langat.</p> <p><i>Pengarah JL memaklumkan Laporan Gelanggang Futsal Daerah Kuala Langat telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bilangan 7 Tahun 2022 sebagai pemakluman di mana sebanyak 13 buah gelanggang futsal di bawah seliaan MPKL, 28 buah gelanggang futsal di bawah seliaan PDT Kuala Langat dan 8 buah gelanggang futsal di bawah seliaan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuala Langat. Pihak jabatan akan mengambil alih gelanggang futsal di bawah kawasan operasi MPKL.</i></p>	<b>Makluman</b>
	<b>6.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JULAI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p>Encik Wong Kim Loon memohon pemasangan lampu limpah di Dataran Tanjung Sepat. Dicadangkan pihak Majlis menggunakan peruntukan daripada tabung amanah Caj Pemajuan. Beliau juga memaklumkan kiosk di dataran tersebut terlalu panas pada waktu siang. Oleh itu, beliau mencadangkan pemasangan kanopi.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta pihak jabatan membuat pemasangan lampu limpah di Dataran Tanjung Sepat. Beliau juga memaklumkan cadangan pemasangan kanopi tidak sesuai kerana keadaan angin yang kuat dan meminta pihak JL menanam pokok di kawasan kiosk.</i></p>	<b>Makluman</b>

		<i>Pihak jabatan telah membuat tambah baik landskap di kawasan tersebut pada Mei 2021 dengan tanaman Pokok Bunga Tanjung di hadapan medan selera, kawasan parking dan tanaman hiasan berpasu di kawasan sekitarnya. Berdasarkan kepada keadaan semasa, ruang di kawasan kiosk adalah sangat terhad dan kurang sesuai bagi tambahan pokok.</i>	
	ii.	<b><u>Perkara 7.2.1 (m.s.13)</u></b>  Encik Tan Wee King memaklumkan sistem perparitan di Bandar Lama, Pulau Carey sangat teruk. Oleh yang demikian, beliau minta jabatan yang berkenaan untuk membuat semakan.  <i>Dimaklumkan pihak JPS akan membuat taklimat perparitan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</i>	<b>Makluman</b>
	6.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JULAI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	6.4	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JULAI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	i.	Encik Wong Kim Loon telah membangkitkan isu berkenaan permohonan kebenaran lesen refleksologi pada mesyuarat yang lepas namun tidak dimitkan. Oleh yang demikian, beliau minta persetujuan dalam mesyuarat ini.  <i>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut.</i>	<b>Makluman</b>



	<b>6.5</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JULAI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 5.4.2 (m.s.15)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan berkenaan masalah jalan mendap dan air bertakung apabila hujan di Jalan Baiduri 7, Taman Baiduri.</p> <p><i>Fail telah dibuka untuk lantikan kontraktor.</i></p>	<b>Makluman</b>
	ii.	<p><b><u>Perkara 5.1.9 (m.s.12)</u></b></p> <p>Beliau menerima aduan daripada penduduk Bukit Changgang berkenaan lampu jalan tidak menyala dari kawasan Jam Tyre di mana keadaan sangat gelap dan berbahaya. Mohon pihak JKR mengambil tindakan <b>dipinda kepada</b> beliau menerima aduan daripada penduduk Bukit Changgang berkenaan lampu jalan tidak menyala dari kawasan Jam Tyre menghala ke tapak pelupusan sampah di mana keadaan sangat gelap dan berbahaya. Mohon pihak JKR mengambil tindakan.</p>	<b>Makluman</b>
	iii.	<p>Encik Yong Keh Chyn ingin tahu status pemasangan CCTV di Kampung Baru, Sungai Jarom.</p> <p><i>BTM memaklumkan telah menghubungi pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. di mana difahamkan lantikan CCTV boleh dibuat secara rundingan terus manakala pusat kawalan perlu dibuat secara tender terbuka. Walau bagaimanapun, pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. membuat permohonan kepada pihak PWN agar lantikan CCTV dan pusat kawalan dapat dibuat secara rundingan terus namun masih belum menerima sebarang maklumbalas. Lantikan CCTV di Kampung Baru, Sungai Jarom dijangkakan akan selesai dalam tempoh sebulan.</i></p>	<b>BTM</b>

	6.6	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN 14 JULAI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.2 (m.s.3)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu statistik kes kenderaan berat yang telah dibawa ke mahkamah.</p> <p>Encik Yong Keh Chyn pula ingin mendapatkan data kompaun yang telah dikeluarkan dan telah dibayar oleh pemilik kenderaan.</p> <p><i>Perkara ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Bilangan 7 Tahun 2022 pada 14 Julai 2022.</i></p>	<b>Makluman</b>
	ii.	<p><b><u>Perkara 4.7.2 (m.s.5)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status tindakan bagi kenderaan terlantar.</p> <p><i>Pihak JPK memaklumkan telah membuat inventori bagi kenderaan terlantar dan dalam proses sitaan.</i></p>	<b>Makluman</b>
	iii.	<p><b><u>Perkara 4.7.4 (m.s.5)</u></b></p> <p>YBhg. Dato' Pengerusi berpendapat jadual kadar harga JKR sudah tidak relevan dengan kadar harga pasaran semasa. Oleh yang demikian, beliau minta pihak JK menghubungi MBSA untuk dapatkan jadual kadar harga semasa dan pihak UPUB perlu memastikan BQ mengikut jadual kadar harga tersebut. Pihak jabatan perlu menukar jadual kadar harga MBSA kepada MPKL untuk diluluskan dalam Mesyuarat Penuh MPKL yang akan datang dan menggunakan jadual kadar harga tersebut.</p>	<b>JK / UPUB</b>

	<b>6.7</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 7 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 JULAI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<b><u>Perkara 5.2.3 (m.s.7)</u></b>  Encik Gan Yee Chin memaklumkan berkenaan masalah bumbung rosak di gerai PLB No.2, Jalan Bahagia.  <i>Pihak jabatan telah menghubungi penyewa pada 14, 15 dan 18 Julai 2022 untuk melihat kerosakan namun tiada maklumbalas. Pihak jabatan akan mengadakan lawat periksa bersama JK untuk mengenal pasti kerosakan tersebut.</i>	<b>Makluman</b>
<b>7.0</b>		<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>	
	<b>7.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 11 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JUN 2022</b>	
	7.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
	<b>7.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 12 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 21 JUN 2022</b>	
	7.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>

8.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	8.1	<p><b><u>ADDENDUM NO.1</u></b></p> <p><b>CADANGAN MENGADAKAN LAWATAN Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Bersama Ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Langat</b></p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><b><u>ASAS PERTIMBANGAN</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lawatan ini dapat memberikan peluang kepada peserta untuk mengenali dan melihat pembangunan prasarana di lokasi yang dipilih;</li> <li>2. Melihat dan mempelajari pengalaman mengurus di lokasi yang dipilih seterusnya boleh dijadikan contoh dan diadaptasi di MPKL; dan</li> <li>3. Memberi cetusan idea dan ilmu pengetahuan baru dalam menjalankan tugas dalam perancangan dan pembangunan MPKL.</li> </ol> <p><b><u>CADANGAN PELAKSANAAN</u></b></p> <p>Lawatan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk dan Ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Langat ini akan diadakan selama 4 hari 3 malam mengikut ketetapan seperti berikut :</p> <p style="margin-left: 40px;">Tarikh : 4 hingga 7 Ogos 2022 (Khamis hingga Ahad)</p> <p style="margin-left: 40px;">Bilangan : 50 orang peserta</p> <p style="margin-left: 40px;">Tempat : Akan ditentukan dalam mesyuarat</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju <b>meluluskan</b> kertas mesyuarat ini dengan cadangan perjalanan program ke Kota Kinabalu, Sabah menggunakan perkhidmatan Mercu Bekal Enterprise dan penginapan di Hotel Marriott. Bayaran menggunakan peruntukan Retreat Ahli Majlis.</p>	JKP

<b>9.0</b>	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Nadasan a/l Subramani :		
	i.	Beliau mengucapkan Selamat Sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Y.A.D. Dato' Orang Besar Daerah, Y.B. Tuan Lau Weng San, Penolong Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.	<b>Makluman</b>
	ii.	Beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Majlis selama 10 tahun di mana zon beliau merupakan kawasan yang besar dengan jumlah penduduk hampir 19 ribu. Walaupun mempunyai kawasan yang besar namun dari segi aduan kurang disebabkan kerjasama yang baik daripada Ketua-Ketua Jabatan. Oleh yang demikian, beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat.	<b>Makluman</b>
	iii.	Bagi Tahun 2021 hasil pendapatan MPKL meningkat dengan keuntungan 16 juta di mana keuntungan ini disebabkan pentadbiran yang cekap di bawah pengurusan YBhg. Dato' Yang Dipertua dengan kerjasama dari semua pihak. Selain itu, beliau mengucapkan tahniah kepada Encik Kamarulzaman bin Ahmad kerana menguruskan kewangan dengan cukup bagus.	<b>Makluman</b>
	iv.	Dengan peningkatan hasil MPKL perlu memberi perkhidmatan yang baik kepada pembayar cukai taksiran. Selain itu, Ahli Majlis juga perlu mengadakan lebih banyak program dan sumbangan kepada pihak yang memerlukan. Oleh yang demikian, beliau mencadangkan peruntukan Ahli Majlis bagi bajet Tahun 2023 dinaikkan dari 60 ribu kepada 80 ribu.	<b>Makluman</b>

	v.	<p>Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang membuat ucapan penangguhan dalam mesyuarat pada pagi ini. Beliau mengakhiri ucapan beliau dengan beberapa rangkap pantun:</p> <p style="text-align: center;">Kalau tulang masih lunak, Tanda bayi harus dijaga, Kalau mahu hidup enak, Kerja keras jangan dilupa.</p> <p style="text-align: center;">Burung berkicau kucing kaget, Lompat jauh ke atas meja, Ayuh kita kejar target, Agar rezeki mengejar kita.</p> <p style="text-align: center;">Buah nanas bunga melati, Ole-ole dari Tamasha, Kerja ikhlas dari hati, Keluh kesah jangan di manja.</p> <p style="text-align: center;">Ke mana hendak mencari lada, Ke hujung kebun sebelah timur, Ke mana hendak mencari bahagia, Ke dalam hati mari bersyukur.</p> <p style="text-align: center;">Tertiup angin daun gugur, Sudah menguning habislah umur, Penuhi pergi dengan bersyukur, Agar hidup semakin makmur.</p>	<b>Makluman</b>
<b>12.0</b>		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH PENERUSI</b>	
		<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Nadasan a/l Subramani atas ucapan penangguhan pada hari ini. Beliau juga memohon Ketua-Ketua Jabatan mengambil tindakan segera terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.</p>	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 7 TAHUN 2022**

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,  
Bahagian Pentadbiran,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

*Tarikh : 22 Julai 2022*

Disemak oleh :

.....  
**(ZULKEFLI BIN MOHAMED ARIF, P.P.T.)**

Penolong Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....  
dan disokong oleh .....

**PETUNJUK :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN

- 8. JL - JABATAN LANDSKAP
- 9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
- 10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
- 11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
- 12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 13. UU - UNIT PERUNDANGAN
- 14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*asimah/mesyuarat mpk17/2022*